

11/02/2005

Pelan tindakan bersepadu perlu disegerakan

KUALA LUMPUR: Satu pelan tindakan bersepadu perlu segera diadakan bagi Umno menzahirkan iltizam Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk melahirkan orang Melayu yang mempunyai personaliti memuncak tinggi.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pelan tindakan itu perlu diselaraskan dengan kajian ilmiah mengapa belum ramai orang Melayu memiliki personaliti cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Oleh itu, kita mahukan pemimpin pada semua peringkat tampil untuk mengemukakan pelan tindakan masing-masing," katanya dalam satu temu bual di Kelana Jaya, dekat sini, kelmarin.

Muhammad berkata, selepas cuti Tahun Baru Cina ini, beliau akan mengumpul cerdik pandai Melayu dalam pelbagai bidang seperti di universiti, pentadbiran dan profesional bagi memperoleh cadangan pelan tindakan itu.

"Saya percaya hampir semua orang sudah memahami saranan Perdana Menteri bahawa untuk menjadi bangsa dihormati, orang Melayu perlu mempunyai keperibadian yang unggul, berilmu, berhemah, berpendidikan, berbudi bahasa dan rajin," katanya.

Muhammad berkata, selain Umno, satu gerakan bersama untuk menggempur idea itu perlu ada melalui kerjasama media massa, pemimpin akademik, politik, agama malah menerusi saluran orang Melayu seperti khutbah Jumaat.

"Ini adalah fardu kifayah yang perlu dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, selagi orang Melayu membuang masa dengan melakukan kerja tidak berfaedah, maka selagi itulah mereka tidak mampu menjadi bangsa unggul yang menjadi aset kepada negara.

Muhammad menegaskan, isu menjadikan Melayu sebagai bangsa unggul sudah dibangkitkan sejak selepas merdeka lagi, jadi kini bukan masanya untuk terus berbincang, sebaliknya perlu melancarkan tindakan.

Katanya, selain bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak ramai orang Melayu yang boleh disebut mempunyai personaliti cemerlang, kecuali seperti mereka yang menguruskan Petronas sehingga menjadikannya syarikat bertaraf dunia.

Mengenai konsep Islam Hadhari yang sedang diterapkan kerajaan di bawah pimpinan Abdullah, Muhammad berkata, orang Melayu masih `mendapat isyarat yang salah mengenainya.

"Walaupun Perdana Menteri sudah memberi penjelasan dengan panjang lebar orang Melayu belum begitu biasa dengan konsep itu," katanya.

(END) Source : Berita Harian